



Ruj. Kami: JPA(SARAAN)(S)63/145/1 Klt.16 (28)

Tarikh : 30 Ogos 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PINDAAN KAEDAH PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2010

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagaimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010. Kerajaan juga telah bersetuju pembayaran Bantuan Khas Kewangan adalah tidak tertakluk kepada genap satu bulan perkhidmatan atau secara *proportionate*.
3. Sehubungan dengan itu, semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat pada tahun 2010 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 termasuk pegawai yang bersara/ meninggal dunia/ letak jawatan/ tamat perkhidmatan/ tamat kontrak pada tahun 2010.
4. Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji/ berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2010 juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00.
5. Surat edaran ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

6. Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, perenggan 6, 8, 9 dan 10 di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' BASARUDDIN BIN SADALI)
Pengarah Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan